

04 MAR 1999

Siasatan-Gulung

KECEDERAAN ANWAR DISEBABKAN SERANGAN TERANCANG OLEH RAHIM

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Suruhanjaya diraja yang menyiasat kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis hari ini diberitahu bahawa kecederaan itu merupakan akibat daripada serangan terancang oleh bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor terhadap seorang yang tidak berdaya mempertahankan diri.

Dalam penggulangan hujahnya bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman juga berkata tidak wujud provokasi daripada Anwar seperti yang didakwa oleh Abdul Rahim dalam keterangannya, sebaliknya serangan terancang oleh Abdul Rahim, mungkin untuk melepaskan kemarahan.

Abu Talib, yang membantu siasatan itu, berkata bahawa keterangan yang diperolehi telah membuktikan dengan jelas bahawa tanggungjawab itu mestilah diletakkan ke atas Abdul Rahim yang telah menyerang Anwar semasa beliau dalam keadaan yang tidak berdaya mempertahankan dirinya.

Beliau berkata saksi-saksi yang telah menceritakan apa yang mereka lihat dan lakukan pada malam selepas Anwar ditahan pada 20 Sept tahun lepas telah memberikan versi yang betul.

Abu Talib lalu menggesa panel suruhanjaya itu supaya menerima versi yang diberikan oleh pegawai-pegawai polis yang telah memberi keterangan berkenaan, lebih-lebih lagi keterangan Pengarah Jabatana Siasatan Jenayah, Datuk Yaacob Mohd Amin dan timbalannya, Datuk Ramli Yusof.

(Kedua-duanya sebelum ini menyatakan antara lain bahawa mereka telah menolak dan menarik Abdul Rahim untuk meleraikannya daripada Anwar semasa kejadian itu.)

Sebanyak 21 orang telah dipanggil memberi keterangan kepada suruhanjaya tiga anggota itu yang dipengerusikan oleh bekas Hakim Besar Malaya Tan Sri Anuar Zainal Abidin. Dua lagi anggotanya ialah bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mahadev Shankar dan pakar bedah ortopedik, Datuk Dr Yeoh Poh Hong.

Penubuhan suruhanjaya itu diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Januari lepas ekoran seruan oleh pelbagai pihak yang mahu siasatan penuh dilakukan mengenai kecederaan Anwar.

Bidang tugas suruhanjaya itu meliputi antara lain ialah untuk menyiasat kecederaan yang dialami Anwar semasa dalam tahanan polis dengan tujuan menentukan sebabnya dan mengenal pasti sesiapa yang bertanggungjawab atau bersubahat menyebabkannya.

Ia kemudian akan melaporkan kepada Yang di-Pertuan Agong tentang langkah yang patut diambil terhadap sesiapa yang menyebabkan kecederaan itu.

Anwar, yang dilucutkan daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept tahun lepas dan ditahan pada 20 Sept kerana didakwa mengetuai perhimpunan haram, muncul di mahkamah pada 29 Sept dengan lebam pada mata kirinya.

Beliau mendakwa beliau dipukul sehingga pengsan semasa dalam tahanan polis.

Abu Talib selanjutnya berkata Abdul Rahim seorang sahaja yang telah menyebabkan kecederaan yang dialami Anwar dengan cara menumbuk, menampar dan membuat pukulan karate-cop terhadapnya.

Beliau berkata hakikat bahawa serangan itu dilakukan semasa Anwar ditutup matanya dan digari menunjukkan bahawa beliau tidak berdaya sama-sekali untuk mempertahankan diri, oleh itu soal provokasi tidak timbul langsung.

Keterangan yang diperolehi juga menunjukkan bahawa sebelum

penahanannya, Anwar sangat aktif pada perhimpunan umum dengan membuat ucapan-ucapan dan menjerit terhadap polis tetapi selepas beliau ditahan, beliau terus mendiamkan diri dan membiarkan polis menjalankan tugasnya.

Mengenai keterangan Abdul Rahim bahawa Anwar telah mengeluarkan kata-kata "ni...bapak anjing" terhadapnya, yang dinafikan oleh Anwar dalam keterangannya, Abu Talib menghujah bahawa adalah sangat tidak munasabah bagi seseorang yang sedang digari dan berseorangan dalam tahanan polis untuk mengeluarkan kata-kata itu.

"Orang ini (Abdul Rahim) datang untuk melepaskan ikatan sapu tangan yang menutupi mata Anwar. Adakah diterima akal bahawa seseorang yang datang untuk berbuat demikian disambut dengan kata nista?," tanya beliau.

Mengenai kecederaan, Abu Talib berkata laporan perubatan daripada beberapa doktor yang memeriksa Anwar menyatakan bahawa kecederaan yang mereka dapati pada Anwar adalah serius dan konsisten dengan kenyataan Anwar bahawa beliau ditumbuk dengan tumbukan yang kuat.

"Kecederaan yang ditemui oleh doktor-doktor ini bukan kecederaan yang ringan, ia kecederaan yang serius. Malah Dr Halim Mansar (pakar forensik Hospital Kuala Lumpur) menyatakan bahawa ia boleh membawa maut memandangkan kepada tempat pukulan itu dilakukan," kata Abu Talib.

Abu Talib bagaimanapun tidak menghujah mengenai perkara kedua dalam bidang tugas suruhanjaya itu, dan menyerahkan sepenuhnya kepada panel untuk membuat perakuan yang sewajarnya tentang tindakan yang patut diambil terhadap Abdul Rahim.

Sementara itu, Karpal Singh, yang mewakili Anwar bersama-sama empat orang peguam lagi, berkata bahawa Abdul Rahim tidak seharusnya dilepaskan dengan tindakan yang ringan dan mencadangkan supaya panel itu memperakukan pertuduhan cuba membunuh mengikut Seksyen 307 Kanun Keseksaan terhadap Abdul Rahim.

Beliau berkata keterangan perubatan oleh doktor-doktor juga menyatakan bahawa kecederaan yang dialami Anwar adalah serius, malah boleh membawa maut.

Karpal Singh berkata apa yang didedahkan kepada siasatan itu bukanlah satu serangan oleh seorang pegawai polis biasa tetapi KPN sendiri yang mengawal selia keseluruhan pasukan polis di negara ini. Mangsanya juga bukanlah orang biasa tetapi seorang yang berada hanya satu anak tangga untuk menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata dengan tindakannya pergi melihat Anwar di dalam sel pada malam itu, Abdul Rahim sudah melanggar Peraturan 45 Peraturan Lokap yang menyatakan bahawa tiada pegawai polis boleh memasuki sel pada waktu malam, melainkan diiringi oleh pegawai polis yang lain.

Karpal Singh seterusnya berhujah bahawa Abdul Rahim tidak bersikap ikhlas dalam memberi keterangannya kepada siasatan itu memandangkan beliau tidak pun dapat mengingat jumlah pukulan yang dilakukan terhadap Anwar selain daripada menampar muka Anwar.

"Keputusan untuk menahan Anwar mengikut ISA yang dibuat pada mesyuarat yang dipengerusikan Rahim adalah untuk menutup serangan itu kerana dengan itu Anwar akan ditahan selama 60 hari, dan dalam tempoh itu beliau dijangka akan sembuh daripada kecederaan itu," katanya.

Anwar juga mengemukakan penggulangan hujah dalam tulisan tangannya kepada suruhanjaya itu melalui Karpal Singh.

"Meskipun jika ada provokasi (daripada Anwar), adakah wajar untuk memukulnya dengan cara yang dilakukan oleh beliau? Jika tidaklah kerana campur tangan Ramli, ia mungkin membawa kepada pembunuhan," katanya.

Karpal Singh berkata apa yang didedahkan kepada siasatan itu bukanlah satu serangan oleh seorang pegawai polis biasa tetapi KPN sendiri yang mengawal selia keseluruhan pasukan polis di negara ini. Mangsanya juga bukanlah orang biasa tetapi seorang yang berada hanya satu anak tangga

untuk menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata dengan tindakannya pergi melihat Anwar di dalam sel pada malam itu, Abdul Rahim sudah melanggar Peraturan 45 Peraturan Lokap yang menyatakan bahawa tiada pegawai polis boleh memasuki sel pada waktu malam, melainkan diiringi oleh pegawai polis yang lain.

Karpal Singh seterusnya berhujah bahawa Abdul Rahim tidak bersikap ikhlas dalam memberi keterangannya kepada siasatan itu memandangkan beliau tidak pun dapat mengingat jumlah pukulan yang dilakukan terhadap Anwar selaian daripada menampar muka Anwar.

"Keputusan untuk menahan Anwar mengikut ISA yang dibuat pada mesyuarat yang dipengerusikan Rahim adalah untuk menutup serangan itu kerana dengan itu Anwar akan ditahan selama 60 hari, dan dalam tempoh itu beliau dijangka akan sembuh daripada kecederaan itu," katanya.

Anwar juga mengemukakan penggulangan hujah dalam tulisan tangannya kepada suruhanjaya itu melalui Karpal Singh.

Sementara itu, Teh Poh Teik, yang mewakili Abdul Rahim, berkata tidak ada asas bagi Karpal Singh untuk mencadangkan agar pertuduhan cuba membunuh dibuat terhadap Abdul Rahim, kerana keadaan kes itu tidak mewajarkannya.

Teh berkata jenis kecederaan yang dialami oleh Anwar perlu dipastikan, sama ia jenis yang parah atau jenis yang biasa.

Beliau berkata mengikut Seksyen 320 Kanun Keseksaan kecederaan parah membawa maksud kecederaan yang membahayakan nyawa, atau yang menyebabkan orang yang menanggungnya, dalam tempoh 20 hari, berada dalam kesakitan yang teruk atau tidak dapat menjalankan kegiatan biasanya.

Beliau berkata ketika Anwar dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 29 Sept, beliau tidak dalam kesakitan yang teruk.

Teh kemudian menggesa suruhanjaya itu supaya memberikan segala faedah keraguan kepada Abdul Rahim memandangkan tidak ada keterangan yang diperolehi untuk menunjukkan mengapa Abdul Rahim mahu menyerang Anwar.

Juga tidak ada keterangan yang menunjukkan Abdul Rahim telah diberi penerangan mengenai kecederaan yang dialami oleh Anwar, kecuali diberitahu bahawa Anwar telah meminta rawatan perubatan, kata Teh.

Sebelum penangguhan, Anwar berkata panel itu kini sudah tiba pada penghujung siasatan itu dan akan berusaha untuk menyiapkan laporannya dan mungkin perakuannya dalam masa tidak berapa lama lagi.

"Seperti yang kita semua tahu, kami cuba menjalankan tanggungjawab kami dengan seberapa segera. Laporan kami juga akan dikeluarkan dengan seberapa segera," katanya.

Beliau juga memberi penghargaan kepada semua pihak yang telah dengan tekun, adil dan jujur membantu suruhanjaya itu dalam tugasnya yang rumit untuk mencari kenyataan dan kebenaran di sebalik kenyataan itu.

"Kami mempunyai segala keterangan yang telah diperolehi itu di hadapan kami, yang memerlukan pertimbangan yang teliti sebelum kami tiba kepada sebarang kesimpulan," katanya.

-- BERNAMA
ROS RYN NMO